

**D.R. 8/2017**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2017.

**Pindaan seksyen 21**

**2.** Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] dipinda dalam seksyen 21—

(a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1);

- (b) dalam subseksyen (1) yang dinomborkan semula, dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “dan menetapkan penalti bagi apa-apa pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan dalam mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan ini”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi apa-apa pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan peraturan-peraturan itu.”.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (“Akta 445”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 445 untuk memperuntukkan secara khusus penalti denda tidak melebihi satu juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi apa-apa pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 445. Pada masa ini, penalti yang diperuntukkan dalam seksyen 27 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] iaitu denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya terpakai. Justeru, pindaan ini akan memperuntukkan penalti yang sama bagi kesalahan di bawah Akta 445 dan kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 445.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3067]